

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING [ BINTULU ]**

**TARIKH : 7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATO' SERI TIONG KING SING [ BINTULU ]** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan :-

- (a) apakah rancangan jangka pendek dan jangka panjang pihak Kementerian dalam memperkuat penghasilan produk kelapa sawit di pasaran antarabangsa memandangkan keadaan peladang kecil terutamanya kawasan luar bandar tidak mempunyai peningkatan ; dan
- (b) apakah rancangan terbaru pihak Kementerian dalam meningkatkan hasil ekonomi negara melalui pengeksportan hasil industri utama seperti kelapa sawit dan getah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Antara rancangan terbaru pihak Kementerian dalam meningkatkan hasil ekonomi negara melalui pengeksportan hasil industri sawit adalah seperti berikut:

- i. menggalakkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi menjamin kelestarian produk sawit di samping meningkatkan nilai tambah produk berasaskan sawit;
- ii. meningkatkan permintaan dengan memperkuuh pasaran sedia ada dan meneroka pasaran baharu melalui aktiviti promosi dan pengembangan pasaran di dalam dan luar negara;
- iii. meningkatkan akses pasaran dan seterusnya meningkatkan penggunaan minyak sawit di kalangan pengguna di negara-negara pengimpor melalui rundingan perjanjian perdagangan bebas (FTA) dua hala dan perundingan pelbagai hala atau serantau;
- iv. menjadikan Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) mandatori pada Januari 2020 sebagai satu langkah ke arah mewujudkan sistem kemampanan yang diterima secara global dan menjadikan minyak sawit milik Malaysia diterima sebagai pilihan utama pelanggan global; dan
- v. menjalinkan kerjasama dengan Indonesia menerusi penubuhan *Council of Palm Oil Producing Countries* (CPOPC) bagi membolehkan perancangan dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti untuk memperkuuhkan harga dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi komoditi getah, Kementerian melalui Majlis Promosi Eksport Getah Malaysia (MREPC) giat menjalankan pelbagai aktiviti promosi pemasaran bagi memastikan industri hiliran getah Malaysia terus berkembang maju dan menyumbang kepada eksport negara. Antara rancangan terbaru yang mampu meningkatkan eksport produk getah Malaysia adalah menerusi aktiviti-aktiviti berikut:

## **SOALAN NO : 32**

- (a) mempromosikan produk getah bernilai tinggi seperti produk getah untuk industri pembinaan dan kejuruteraan, bunga tayar pra-awet (*precured treads*) dan tilam lateks. Aktiviti promosi pemasaran produk-produk ini akan ditumpukan ke negara-negara maju dan membangun seperti Amerika Syarikat, Jepun, Brazil, Afrika Selatan, Filipina dan Indonesia pada tahun hadapan;
- (b) meneruskan promosi produk getah bagi kategori barang guna habis untuk perubatan (*medical consumables*) seperti sarung tangan getah yang mempunyai potensi pasaran yang baik di negara-negara yang mempunyai populasi penduduk yang tinggi serta menunjukkan peningkatan peruntukan bagi penambahaikan sektor kesihatan. Selain dari negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan Jerman, tumpuan promosi pemasaran kini dipergiatkan di negara-negara membangun seperti China dan India; dan
- (c) menjalankan promosi khusus seperti seminar pendidikan tentang produk getah serta menyertai pameran domestik dan lawatan pasaran yang bertujuan untuk mengenal pasti peluang-peluang baharu bagi produk getah Malaysia.

Sekian terima kasih.